Perlis Mesti Kekal Dalam Arus Perdana Pembangunan Negara - Muhyiddin
Bernama
14 Januari, 2012

KANGAR, 14 Jan (Bernama) -- Perlis mesti kekal dalam arus perdana pembangunan negara kerana rakyatnya masih mahukan sokongan dan dukungan kerajaan Barisan Nasional (BN) serta dahagakan kemajuan yang akan menjamin masa depan mereka.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata walaupun negeri ini kecil dengan hanya mempunyai tiga kawasan parlimen dan 15 dewan undangan negeri (DUN), namun rakyatnya berjiwa besar dan keyakinan mereka terhadap BN sangat kukuh.

"Sekiranya nak lihat Perlis mencapai kejayaan (dalam pembangunan), apa pun persepsi masyarakat terhadap suasana politik di Perlis harus dihadapi dengan tabah. Setiap masalah dapat diperbaiki dengan perasaan yang ikhlas," katanya ketika berucap pada Program Jalinan Mesra Rakyat Parlimen Arau di perkarangan Masjid Tambun Tulang di sini.

Muhyiddin berkata untuk memastikan sasaran pembangunan negeri tercapai, ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepimpinan malah penglibatan rakyat di semua peringkat bagi merealisasikannya.

"Kerajaan tidak minta apa-apa balasan untuk setiap apa yang diberikan kerana ia adalah tanggungjawab kerajaan untuk membela rakyat, namun apa yang diharapkan hanyalah sokongan daripada rakyat," katanya.

Beliau berkata kekuatan perpaduan di kalangan kepimpinan di negeri ini juga dapat menangkis sebarang fitnah terutama yang dibangkitkan pembangkang yang selamanya tidak akan berpuas hati dengan kerajaan.

---BERNAMA
Hakcipta © 2012 BERNAMA
Source:http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640106